

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2000/2001

April/Mei 2001

KFT 331 – Kimia Fizik III

Masa: 3 Jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan. Jika calon menjawab lebih daripada lima soalan hanya lima soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. (a) Saintis A mencadangkan bahawa fungsi gelombang bagi suatu sistem satu dimensi adalah:

$$\psi = N \tan(\alpha x) \text{ bagi } 0 \geq x \geq \infty,$$

di mana α dan N adalah pemalar.

Saintis B tidak bersetuju dengan A dan menyatakan bahawa fungsi gelombang yang benar bagi sistem itu berbentuk:

$$\psi = Nx^{1/2} \exp(-\alpha x) \text{ bagi } 0 \geq x \geq \infty,$$

Saintis C tidak bersetuju dengan A dan B dan mencadangkan bahawa:

$$\psi = N \sin(\alpha x).$$

Saintis yang manakah betul? Terangkan.

(10 markah)

.../2-





-2-

- (b) Operator \hat{R} adalah operator Hermitian jika

$$\int \phi_m^* \hat{R} \phi_n d\tau = \int \phi_n (\hat{R} \phi_m)^* d\tau$$

di mana ϕ_m dan ϕ_n adalah sebarang fungsi gelombang yang berkelakuan baik. Katakan \hat{P} dan \hat{Q} adalah operator Hermitian, tunjukkan bahawa $\hat{P} + \hat{Q}$ juga adalah operator Hermitian.

(10 markah)

2. Satu zarah berjisim m bergerak di dalam sebuah kotak dua dimensi. Tenaga keupayaan $U = 0$ apabila $0 \leq x \leq a$ dan $0 \leq y \leq b$. Tenaga keupayaan $U = \infty$ di tempat lain. Fungsi gelombang yang dibenarkan adalah

$$\psi = \frac{2}{(ab)^{1/2}} \sin \frac{n_x \pi x}{a} \sin \frac{n_y \pi y}{b}$$

di mana n_x dan n_y adalah nombor kuantum.

- (a) Diberikan bahawa Hamiltonian adalah

$$-\frac{\hbar^2}{2m} \left(\frac{\partial^2}{\partial x^2} + \frac{\partial^2}{\partial y^2} \right), \text{ dan } a = b,$$

tentukan tiga nilai eigen yang paling kecil. Tunjukkan nilai-nilai itu pada satu rajah dan tunjukkan kedegeneratannya

(10 markah)

- (b) Tentukan nilai jangkaan bagi momentum ke arah x apabila sistem itu berada dalam keadaan asas.

(6 markah)

.../3-

-3-

- (c) Bolehkah keadaan ($0, n_y$) dan ($n_x, 0$) diterima sebagai keadaan sistem ini?
(4 markah)

3. Bermula dari $S = k \ln \Omega$, terbitkan persamaan entropi bagi zarah-zarah tidak terkenalbezakan.

Seterusnya terbitkan Persamaan Sackur-Tetrode.

Diberikan $q_t = (2\pi mkT/h^2)^{3/2} V$.

Kiralah entropi molar bagi Ne pada 300 K dan 1 bar. Anggap $q_e = 1$.
(J.A.R. Ne: 20.2)

(20 markah)

4. (a) Suatu molekul mempunyai satu keadaan teruja takdegenerat yang terletak pada 350 cm^{-1} di atas keadaan asas yang juga takdegenerat. Apakah suhu itu jika 10% molekul berada di dalam keadaan teruja?

(10 markah)

- (b) Tulislah nota ringkas bagi (i) sel bahan api dan (ii) pengkaratan.

(10 markah)

.../4-






-4-

5. (a) Terangkan, dengan menggunakan gambarajah yang sesuai, sebutan fotokimia berikut: penguaan, pertukaran dalaman, lintasan antara sistem, pendarfluor dan pendarfosfor.

(8 markah)

- (b) Tindak balas fotosintesis dengan adanya klorofil boleh ditulis seperti berikut:



ΔU bagi tindak balas itu ialah 502 kJ mol^{-1} . Klorofil menyerap pada $\lambda = 594 \text{ nm}$. Berapakah kuanta cahaya, n, diperlukan untuk tindak balas tersebut?

(12 markah)

6. (a) Terbitkan ungkapan pemalar kadar bagi suatu tindak balas bimolekul mengikut teori keadaan peralihan.

(10 markah)


- (b) Bagi penghidrogenan etena pada suhu 300°C , faktor pra-eksponen, A, bernilai $= 1.2 \times 10^6 \text{ dm}^3 \text{ mol}^{-1} \text{ s}^{-1}$. Kiralah nilai entropi pengaktifan.

(10 markah)





..../5-

-5-

7. (a) Bagi tindak balas rantai



mekanismenya dipercayai berlangsung seperti berikut:



Terbitkan hukum kadar bagi pembentukan CCl_4 .

(12 markah)

- (b) Terangkan bagaimana ozon di stratosfera dimusnahkan oleh klorofluorokarbon.
- (8 markah)

-oooOooo-

